

LAPORAN LATIHAN PRAKTIKUM

POLITEKNIK SEBERANG PERAI  
PULAU PINANG

SULAILA BINTI MOHAMMED GHAZALI  
UK 8664

JABATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
2007

1100053935

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (UMT)  
Universiti Malaysia Terengganu

LP 69 FPE 1 2007



1100053935

1100053933  
Laporan latihan praktikum di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang / Sulaila Mohammed Ghazali.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

1100053935

Ihat caholah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

# **"PERAKUAN"**

Dengan ini saya Sulaila Binti Mohammed Ghazali mengaku bahawa laporan Latihan Praktikum bagi Kursus KOG 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang telah dipelajari semasa menjalani latihan Praktikum. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : SULAILA BINTI MOHAMMED GHAZALI  
Tarikh : 21 MEI 2007

Disahkan oleh :

  
(EN. ABDULLAH BIN MOHAMAD)

Penyelia UMT  
B/p Pengurus Latihan Praktikum  
Fakulti pengurusan dan Ekonomi  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

# **"SEKAPUR SIRIH"**

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA  
PENYAYANG

Al-Hamdulillah segala puji dan syukur ke hadrat Ilahi kerana keizinan dan limpah Rahmat-Nya, saya kini sedang menjalani Latihan Praktikum di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang dengan jayanya dan dapat menyiapkan laporan praktikum yang telah diamanahkan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad saw, ahli keluarga, para sahabat Baginda dan para pejuang yang Syahid fisabilillah.

Sekalung penghargaan buat EN. ABDULLAH BIN MOHAMMAD selaku penyelia praktikum dari Universiti Malaysia Terengganu merangkap pensyarah yang saya hormati dan sanjungi, tidak lupa juga kepada 2 orang Pegawai Kaunseling selaku penyelia di Politeknik Seberang Perai, TN. HAJI ABD. RAHIM BIN OTHMAN dan EN. WAN KHAIRUL FAIZI BIN WAN MAHMUD, PN. ROSMIZAR BINTI MOHD ROSLI selaku Penyelaras Unit Kaunseling Dan Kerjaya Jabatan Perdagangan yang telah banyak mengorbankan masa, memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya selama saya menjalani latihan praktikum ini. Di atas jasa yang diberikan itu saya iringi doa semoga Allah swt melimpahkan Rahmat dan Kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Jutaan terima kasih juga atas budi yang tidak termilai, kepada Pengarah Politeknik Seberang Perai TN HAJI NOOR AZAHAN BIN OTHMAN, para Timbalan Pengarah, Ketua-ketua Jabatan serta para pensyarah, dan semua kakitangan Politeknik Seberang Perai yang telah memberi kerjasama sepanjang latihan praktikum ini. Seterusnya yang teristimewa untuk ibu yang tercinta serta ahli keluarga yang cukup memahami dan tidak pernah jemu memberi sumbangan moral dan material. Buat teman-teman seperjuangan sekalian, sikap, keprihatinan, kerjasama dan sokongan bersama telah memberi semangat serta kekuatan yang jitu dalam menyiapkan laporan ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang latihan praktikum saya, tidak dinafikan tentunya terdapat beberapa kelemahan dan sikap yang tidak disengajakan, yang baik datang dari Allah, yang buruk datang dari diri saya sendiri. Semoga usaha ini mendapat keberkatan daripada Allah swt. InsyaAllah. Wassalam.

- SULAILA BINTI MOHAMMED GHAZALI-

# **"ISI KANDUNGAN"**

## **PERKARA**

## **MUKA SURAT**

RINGKASAN EKSEKUTIF

1

### **BAB1:**

1.0 PENGENALAN	3
1.1 LATAR BELAKANG POLITEKNIK SEBERANG PERAI	4
1.2 VISI	4
1.3 MISI	4
1.4 PIAGAM PELANGGAN	5
1.5 LOGO POLITEKNIK SEBERANG PERAI	6
1.6 PETA POLITEKNIK SEBERANG PERAI	7
1.7 CARTA ORGANISASI POLITEKNIK SEBERANG PERAI	8
1.8 PENTADBIRAN	9-11
1.9 JABATAN	11-12
1.10 KURSUS PENGAJIAN	13-14
1.11 TEMPOH PENGAJIAN	14
1.12 MAKLUMAT STAF	15-16
1.13 KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR	17
1.14 AKTIVITI ORGANISASI	18-29
1.15 UNIT KAUNSELING POLITEKNIK SEBERANG PERAI	
1.15.1 Latar Belakang Unit	30
Kaunseling PSP	
1.15.2 Objektif Unit Kaunseling PSP	31
1.15.3 Fungsi Utama Dan Aktiviti	32
Unit Kaunseling	
1.15.4 Waktu Perkhidmatan	33
Kaunseling	

1.15.5 Kemudahan Yang Terdapat Di Unit Kaunseling	33
1.15.6 Carta Organisasi Unit Kaunseling PSP	34
1.15.7 Rancangan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling 2007	35-37
1.15.8 Prosedur Kerja Pengurusan Bimbingan Dan Kaunseling	38-39
1.15.9 Tugas Dan Tanggungjawab Kaunselor	40-42
1.15.10 Pembimbing Rakan Siswa	42-44

## BAB 2:

2.0 PENGENALAN	46
2.1 ANALISA SESI KAUNSELING INDIVIDU	
2.1.1 Kekerapan Sesi Kaunseling Individu	47-48
2.1.2 Statistik Masalah/ Isu Yang Dibincangkan Dalam Sesi Kaunseling Individu	49-50
2.2 ANALISA SESI KAUNSELING KELOMPOK	
2.2.1 Kekerapan Sesi Kaunseling Kelompok	50-51
2.2.2 Statistik Masalah/ Isu Yang Dibincangkan Dalam Sesi Kaunseling Kelompok	52-53
2.3 ANALISA KESELURUHAN SESI	
2.3.1 Kehadiran Klien Mengikut Jantina	54
2.3.2 Kehadiran Klien Mengikut Bangsa	55
2.3.3 Jumlah Jam Sesi Kaunseling	56
2.4 AKTIVITI LAIN SEMASA MENJALANKAN PRAKTIKUM	
2.4.1 Aktiviti Yang Telah Dilaksanakan	57-60
2.4.2 Aktiviti Yang Akan Dilaksanakan	61

<b>2.5 PROSEDUR PERKHIDMATAN KAUNSELING</b>	
2.5.1 Pelaksanaan Kaunseling Individu	61
2.5.2 Pelaksanaan Kaunseling	62
Kelompok	
2.5.3 Pelaksanaan Kaunseling	62-64
Bimbingan	
<b>2.6 PENDEKATAN TEORI DAN KEMAHIRAN</b>	
<b>KAUNSELING YANG DIGUNAKAN</b>	
2.6.1 Pendekatan Teori	65-68
2.6.2 Kemahiran Kaunseling	69-73
<b>2.7 MATLAMAT SESI KAUNSELING</b>	74-75
<b>2.8 PERKARA YANG TELAH DIPELAJARI DALAM</b>	76-77
<b>TEMPOH PRAKTIKUM</b>	
<b>2.9 CARA MENINGKATKAN KOMPETENSI SESI</b>	78

### **BAB 3:**

<b>3.0 PENGENALAN</b>	80
<b>3.1 MASALAH PELATIH</b>	81-82
<b>3.2 MASALAH ORGANISASI</b>	83-84
<b>3.3 CADANGAN</b>	85-86
<b>RUMUSAN</b>	87-88
<b>BIBLIOGRAFI</b>	89
<b>LAMPIRAN</b>	90

# **"RINGKASAN EKSEKUTIF"**

---

Secara keseluruhannya laporan akhir praktikum ini, menerangkan segala aspek pengalaman secara langsung dan tidak langsung yang telah dilalui oleh pelatih di organisasi praktikum iaitu di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Sepanjang tempoh latihan praktikum ini pelbagai pengalaman telah dilalui sama ada pahit dan manis dalam mendapat pendedahan yang amat bermilai bagi seorang bakal kaunselor. Pendedahan dan pengalaman yang diperolehi selama menjalani latihan praktikum ini sudah pasti amat berharga bagi pelatih yang bakal berhadapan dengan situasi sebenar di alam *profesionalisme kaunseling*.

Sepanjang latihan ini pelatih telah didedahkan dengan situasi sebenar seorang kaunselor di organisasi ini dengan menjalankan perkhidmatan kaunseling yang merangkumi sesi kaunseling individu dan kelompok yang menjadi *core business* di organisasi. Selain itu, pelatih juga turut menjalankan aktiviti-aktiviti bimbingan lain seperti ceramah, seminar, pengujian psikologi dan aktiviti-aktiviti luar politeknik untuk para pelajar dan masyarakat. Pelatih juga tidak hanya berfokus kepada sesi kaunseling semata-mata tetapi juga turut didedahkan kepada pengurusan program. Pengurusan ini amat penting bagi memantapkan lagi skill dari aspek pengendalian dan pelaksanaan program. Selain itu juga dalam tempoh hampir enam bulan latihan praktikum di politeknik ini, pengaplikasian teori, kemahiran dan pendekatan kaunseling telah banyak dipraktikkan dalam menolong para pelajar. Pelatih juga turut mengenal pasti masalah yang timbul di Politeknik Seberang Perai seperti permasalahan berkaitan dengan pelajar dan juga pentadbiran dan pengurusan. Pelatih juga turut mengambil inisiatif dan cadangan bagi mengatasi permasalahan tersebut.